

EK

ECONEWS

PM GESA ADAKAN LEBIH BANYAK USAHA SAMA MALAYSIA-INDONESIA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa lebih banyak syarikat swasta di negara ini menjalinkan usaha sama dengan syarikat-syarikat dari Indonesia bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara tersebut.

Menurut beliau, pertambahan jumlah pelaburan oleh kedua-dua pihak akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara itu dan seterusnya mampu memberikan sumbangan kepada negara-negara Asean yang lain dan juga Asia Timur.

Kerjasama dalam bidang pelaburan akan mempercepat pembangunan ekonomi negara-negara di rantau Asia Timur yang sememangnya dikenali sebagai negara-negara yang cepat membangun dan telah menjadi satu daripada kuasa ekonomi dunia, kata beliau.

"Jika kita membenarkan para pelabur asing dari Timur dan Barat melabur di negara ini, kita juga harus menggalakkan pelaburan dari negara-negara jiran," katanya.

Berucap pada majlis menandatangani perjanjian pelaburan bernilai RM2.59 ribu juta antara sebuah syarikat tempatan, iaitu Construction and Supplies House Bhd (CASH) dengan Barito Pacific Group, sebuah syarikat dari Indonesia di sini, beliau berkata perjanjian tersebut terhasil daripada kerjasama yang erat antara kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Bercakap mengenai penebangan hutan di negara ini, Dr Mahathir berkata walaupun kegiatan tersebut dilakukan di negara ini, Malaysia tetap mengambil berat tentang pemeliharaan alam sekitar.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Pengarah Urusan CASH Encik Joseph Ambrose Lee dan Pengerusi Barito Pacific Encik Prajogo Pangestu.

Di bawah perjanjian itu, CASH menerusi pengambilalihan berbalik akan memiliki sebanyak 30 peratus ekuiti dalam Barito Pacific manakala syarikat dari Indonesia itu pula akan memegang majoriti saham sebanyak 70 peratus dalam syarikat tempatan itu.

Menerusi aktiviti itu juga CASH yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur akan memiliki 100 peratus ekuiti dalam tiga buah syarikat milik Barito Pacific, iaitu Rindaya Wood Processing Sdn Bhd yang berpangkalan di Sarawak, Iomda Pty Ltd. di Papua New Guinea dan Nantong Plywood Industry Co Ltd., iaitu sebuah syarikat pelaburan bersama China.

Barito Pacific yang disenaraikan di Bursa Saham Jakarta dan Bursa Saham Surabaya ialah pengusaha papan lapis terbesar dunia dan menyumbangkan sebanyak 20 peratus kepada seluruh dunia. -- Bernama